

Perhimpunan Memperingati Perjuangan Datuk Onn

ABDULLAH Ahmad Badawi melaungkan 'Hidup Melayu' sempena Perhimpunan Memperingati Perjuangan Datuk Onn Jaafar di Stadium Batu Pahat, semalam.



LEBIH 20,000 ahli UMNO berarak sempena Perhimpunan Memperingati Perjuangan Datuk Onn Jaafar di Stadium Batu Pahat, Johor, semalam.

PM ketuai perarakan

UM- 27/2/2006

Antara ikrar 'Sumpah Melayu' ialah janji bersatu padu, patuh agama Islam serta sentiasa mempertahankan kepentingan anak Melayu dan kedaulatan rakyat Melayu

BATU PAHAT 26 Feb. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengetuai lebih 20,000 anggota UMNO berhimpun dan berarak di sini bagi memperingati perhimpunan menentang Malayan Union yang dilakukan oleh pengasas UMNO, Datuk Onn Jaafar, 60 tahun lepas, yang turut melahirkan UMNO.

Abdullah mengetuai 6,000 anggota UMNO yang berbaju Melayu berjalan sejauh satu kilometer bermula di Pejabat UMNO Batu Pahat dan melalui Dewan Jubli Intan ke Stadium Batu Pahat, bagi menghidupkan semula suasana yang sama pada 10 Februari 1946.

Ketibaan mereka disambut oleh 14,000 anggota UMNO dengan laungan 'Hidup Melayu'.

Pada tahun 1946, Pergerakan Melayu Semenanjung Cawangan Johor (PMSJ) mengadakan perarakan dan perhimpunan besar-besaran yang dihadiri kira-kira 15,000 orang Melayu bagi mengecam penubuhan Malayan Union kerana membelakangkan kepentingan raja-raja Melayu serta orang Melayu.

Selain Abdullah, pemimpin-pemimpin UMNO yang turut hadir pada sambutan bertema Datuk Onn Jaafar - Pengasas Sebuah Negara Bangsa, itu termasuk Ketua Pemuda UMNO, Datuk Hisammuddin Tun Hussein yang juga Menteri Pelajaran, yang juga cucu Onn.

Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin; Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga Naib Presiden UMNO; Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Mohamed Khaled Nordin; Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman serta Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman turut hadir pada majlis itu.

Bacaan ikrar 'Sumpah Melayu' turut dilafazkan dengan diketuai Yusof Salleh, anak bekas pejuang kebangsaan yang dikenali sebagai Kiyai Salleh, yang telah membaca ikrar yang sama pada tahun 1946.

Antara ikrar itu ialah janji untuk bersatu padu, patuh kepada menegakkan agama Islam, serta sentiasa mempertahankan kepentingan anak



ABDULLAH Ahmad Badawi beramah mesra dengan bekas pejuang yang memartabatkan Melayu pada Perhimpunan Memperingati Perjuangan Datuk Onn di Stadium Batu Pahat.

Batu Pahat Tanah Keramat - Bumi Bertuah pada majlis itu.

Perdana Menteri turut menyampaikan anugerah khas kepada 19 tokoh yang bersama Onn menentang Malayan Union.

Antara mereka yang menerima anugerah khas itu ialah pengasas bersama PMSJ, Edinah Ya

Undangan Negeri Tanjung Sembrong dan Batu Pahat Dalam, Datuk Mohd Noor Jumaat.

Acara tersebut disiarkan secara langsung oleh stesen televisyen RTM 1.

Perhimpunan hari ini adalah sebahagian daripada program bagi mengiktiraf perjuangan Onn



ORANG ramai mengikuti ucapan Perdana Menteri pada Perhimpunan Memperingati Perjuangan Datuk Onn di Stadium Batu Pahat